



SIARAN BERITA

Untuk Siaran Serta-Merta

Rasai Nikmat Hidup Tanpa Kesakitan

Pesakit diabetes kini mempunyai pilihan untuk membaiki kualiti hidup mereka

Kuala Lumpur, 7 Oktober 2011 – Pesakit diabetes (kencing manis) yang menghidap neuropati periferi yang menyakitkan akibat diabetes [*painful diabetic peripheral neuropathy* (pDPN)] atau lebih dikenali sebagai sakit saraf akibat diabetes, selalunya menderita tanpa rawatan. Disebabkan cabaran untuk mendiagnosis pDPN, pesakit belajar menyesuaikan diri untuk hidup dengan menahan kesakitan. Dengan perkembangan terbaru dalam pengurusan kesakitan, pakar penyelidik mendapati mereka tidak lagi perlu menanggung penderitaan ini.

pDPN adalah keadaan yang menyebabkan pesakit diabetes mengalami sakit pedih, seperti dicucuk pin dan jarum, atau seperti terkena tusukan pada kaki dan tangan.^{1 2} Satu dalam lima pesakit diabetes menanggung penderitaan ini dan bilangan mereka terus meningkat.^{3 4} Disebabkan kesakitan ini dianggap peribadi, adalah sukar untuk mengenal pasti pDPN. Ini menimbulkan cabaran dalam proses rawatan.

Kesedaran terhadap kesakitan neuropati amat kurang, lebih-lebih lagi apa yang dimaksudkan dengan neuropati periferi? Sistem saraf periferi atau *peripheral nervous system* (PNS) adalah satu daripada dua cabang utama sistem saraf. Satu lagi ialah sistem saraf pusat atau *central nervous system* (CNS) yang membentuk otak dan saraf tunjang. Saraf dalam PNS menyambungkan CNS kepada organ deria (seperti mata dan telinga), serta organ badan yang lain, otot, saluran darah dan kelenjar.⁵

“Pesakit menanggung kesakitan neuropati apabila satu dan lebih banyak saraf mereka rosak. Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kerosakan saraf. Ia boleh merupakan sebahagian daripada gangguan, penyakit atau keadaan. pDPN adalah satu contoh kerosakan saraf disebabkan keadaan (diabetes),” kata Profesor K.J. Goh, Profesor, Bahagian Neurologi, Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Gejala kesakitan neuropati termasuk kesakitan seperti terkena tusukan dan kepedihan, menggelenyar atau rasa kebas. “Untuk mendiagnosis neuropati periferi, pesakit akan menjalani beberapa pemeriksaan neurologi untuk mengenal pasti punca dan sejauh mana kerosakan saraf,” tambah Prof Goh.

Bercakap mengenai pentingnya pengurusan kesakitan di kalangan pesakit diabetes, Profesor Dato’ Dr Mafauzy Mohamed, Profesor Perubatan dan Pengarah Kampus, Universiti Sains Malaysia, Kelantan, menjelaskan bahawa pesakit diabetes tidak sepatutnya hidup dengan menanggung kesakitan. “Kesan neuropati periferi akibat diabetes amat buruk dan sangat menyakitkan. Kesakitan ini menyukarkan kehidupan harian. Pengurusan kesakitan secara berkesan membolehkan pesakit yang mengalami keadaan ini membaiki kualiti hidup mereka.”

Menurut edisi ketiga Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan pada 2006, penularan diabetes telah meningkat kepada 14.9%. Berbanding satu dekad yang lalu, kadar penularan diabetes hanya 8.3%. Penularan diabetes di Malaysia telah meningkat hampir dua kali ganda dalam dekad yang lalu (pada kadar yang lebih cepat daripada ramalan Persekutuan Diabetes Antarabangsa), selari dengan peningkatan dua kali ganda masalah berat badan berlebihan/obesiti di kalangan penduduk.⁶ Seramai 50% daripada pesakit tempatan yang disahkan menghidap diabetes dalam 6 hingga 10 tahun yang lalu didapati mengalami pDPN.⁷

“Semua data penyelidikan menunjukkan peningkatan kes diabetes global dan juga tempatan, dan lama-kelamaan, penularan penyakit ini akan menyebabkan kerosakan saraf yang pasti akan menimbulkan komplikasi. Oleh itu, adalah penting untuk

membantu pesakit diabetes menguruskan kesakitan yang ditimbulkan oleh komplikasi diabetes,” tambah Prof Dato’ Dr Mafauzy.

pDPN boleh menyebabkan kesakitan yang amat sangat. Kesan penyakit ini sering menyukarkan pesakit untuk berjalan, tidur, bekerja, dan menjejaskan mood dan aktiviti harian mereka. Disebabkan kesakitan adalah begitu subjektif dan menyentuh peribadi, pDPN sering kurang dilaporkan dan kurang dirawat.

Seramai 58 peratus pesakit tidak menyedari bahawa kesakitan yang dialami mereka adalah disebabkan oleh diabetes.⁸ Justeru, pesakit diabetes perlu mendapatkan nasihat doktor dalam memilih rawatan yang betul untuk membantu menguruskan keadaan mereka yang menyakitkan.

“Pada bulan April tahun ini, Akademi Neurologi Amerika (AAN), Persatuan Perubatan Saraf Otot dan Elektrodiagnostik Amerika dan Akademi Perubatan Fizikal dan Pemulihan Amerika mengeluarkan laporan bersama yang menggariskan rawatan paling berkesan untuk melegakan kesakitan saraf akibat diabetes. Menurut garis panduan itu, Pregabalin adalah satu-satunya rawatan Tahap A yang disyorkan, berasaskan bukti kukuh yang menunjukkan Pregabalin berkesan merawat kesakitan saraf akibat diabetes.”

Beberapa ujian klinikal yang menilai Pregabalin mendapati pesakit yang mengambil Pregabalin kurang mengalami kesakitan berbanding dengan mereka yang mengambil plasebo. Seseengah pesakit merasa lega dalam masa secepat satu minggu, manakala yang lain mungkin mengambil masa lebih lama.^{9 10 11}

Menurut Dr Gene Lee, Penasihat Perubatan Pfizer, yang mengendalikan bengkel media, “Pfizer komited untuk meningkatkan kesedaran terhadap kesakitan ini dan menggesa pesakit untuk membincangkan pilihan rawatan dengan doktor mereka. pDPN tetap merupakan keadaan yang kurang mendapat diagnosis di banyak negara di

dunia, sebahagian besarnya disebabkan kurang kesedaran dan kefahaman tentang keadaan dan hakikat bahawa hanya terdapat beberapa pilihan rawatan yang terbukti.”

Mengenai Pfizer Malaysia

Pfizer Malaysia beriltizam untuk ‘Bersama-sama Berusaha Membina Dunia Lebih Sihat’ (“Working Together for a Healthier World™). Kami menggunakan sumber global kami dan berusaha menetapkan piawaian bagi kualiti, keselamatan dan nilai ubat untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia di setiap peringkat kehidupan. Portfolio penjagaan kesihatan terpelbagai kami termasuk biologi manusia, ubat molekul kecil dan vaksin dalam bidang Biofarmaseutikal, dan juga pelbagai jenis produk Pemakanan.

Kami juga bekerjasama rapat dengan penyedia penjagaan kesihatan awam dan swasta, dan juga masyarakat untuk menyokong dan meluaskan capaian kepada penjagaan kesihatan yang boleh dipercayai dan termampu di Malaysia. Pfizer Malaysia memulakan operasi pada 1964, dan setiap hari, kira-kira 500 kakitangannya di seluruh negara berusaha meningkatkan kesejahteraan dan memberikan sumbangan bermakna kepada semua pihak yang memerlukan kami.

Wyeth kini merupakan anak syarikat milik penuh Pfizer Inc. Penggabungan entiti Wyeth Malaysia dan Pfizer Malaysia sedang dilaksanakan dan meliputi beberapa bidang kuasa dan penggabungannya tertakluk kepada pematuhan dan penyempurnaan beberapa syarat undang-undang dan peraturan.

Dikeluarkan bagi pihak Pfizer (M) Sdn Bhd oleh:
Burson-Marsteller Malaysia
Irene Yong / Faye Lingarajan
Telefon (+603) 2096 2200, Faks (+603) 2096 2331
E-mel: irene.yong@bm.com / faye.lingarajan@bm.com

¹ National Diabetes Information Clearinghouse. Diabetic Neuropathies : The Nerve Damage of Diabetes. Februari 2009. Boleh didapati di : <http://diabetes.niddk.nih.gov/dm/pubs/neuropathies/>

-
- ² Brigham and Women's Hospital. Translational Pain Research. Boleh didapati di <http://www.brighamandwomens.org/paintrials/diabeticneuropathypain.aspx>. Diakses pada 7 Julai 2009.
- ³ Schmader KE. Epidemiology and impact on quality of life of postherpetic neuralgia and painful diabetic neuropathy *Clin J Pain*. 2002;18:350-354
- ⁴ Centers of Disease Control and Prevention. National Diabetes Fact Sheet 2011. Boleh didapati di : http://www.cdc.gov/diabetes/pubs/pdf/ndfs_2011.pdf
- ⁵ <http://www.medterms.com/script/main/art.asp?articlekey=8258>. Diakses pada 27 September 2011
- ⁶ http://www.crc.gov.my/documents/abstract/prevalenceOfDiabetes_ppt.pdf. Diakses pada 27 September 2011
- ⁷ The Prevalence of Diabetic Peripheral Neuropathy in an Outpatient Setting. O Mimi, MMed, C L Teng, Mmed, Y C Chia, MRCP http://www.e-mjm.org/2003/v58n4/Diabetic_Peripheral_Neuropathy.pdf. Diakses pada 22 September 2011
- ⁸ American Diabetes Association. *Forefront*. Many with Diabetes Are Unaware of Diabetic Neuropathy. Winter/Spring 2007.
- ⁹ Richter, Ralph W., Portenoy, Russell, et al. Relief of Painful Diabetic Peripheral Neuropathy With Pregabalin: A Randomized, Placebo-Controlled Trial. American Pain Society; 2005.
- ¹⁰ Rosenstock, Julio, Tuchman, Michael, et al. Pregabalin for the treatment of painful diabetic peripheral neuropathy. Dallas Diabetes & Endo Research Center, Dallas, TX: November 20, 2003.
- ¹¹ Lesser, H., MD, PhD, Sharma, U., PhD, et al. Pregabalin relieves symptoms of painful diabetic neuropathy. Pfizer Global Research and Development, Ann Arbor, MI: 2004.